

PROGRAM PENGAWASAN KUALITI AIR BAWAH TANAH BIL.4/2022 OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

8 Disember 2022, MELAKA - Unit pengawasan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan program pengawasan frekuensi keempat, kualiti air bawah tanah pada 5 Disember 2022 bertempat di tiga (3) buah stesen telaga air bawah tanah untuk Negeri Melaka yang bertempat di Petronas Penapisan Sungai Udang, Tapak Pelupusan Sampah Sungai Udang dan JAS Cawangan Taboh Naning.

Program pengawasan kualiti air tanah ini dijalankan berpandukan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pengawasan Kualiti Air Tanah terbitan Jabatan Alam Sekitar. Analisa kualiti air secara in-situ telah dijalankan menggunakan peralatan YSI Multi Parameter Water Quality Probe manakala beberapa percontohan sampel air telah diambil untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia.

#KementerianSumberAsliAlamSekitar dan PerubahanIklim

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka